

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI
BINTI SAMSUDIN
[MASJID TANAH]

TARIKH : 4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 9

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah impak Projek *Kuala Linggi International Port* terhadap geopolitik, ekonomi dan sosial penduduk setempat.

JAWAPAN

Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan pembangunan Kuala Linggi International Port adalah merupakan satu inisiatif pembangunan pelabuhan daripada pihak swasta dan Kerajaan pada masa ini belum mengambil sebarang keputusan dasar berhubung cadangan tersebut.
2. Berdasarkan kepada pelan induk pembangunannya, Kuala Linggi International Port (KLIP) akan berfungsi sebagai pelabuhan industri yang antara lain sebagai hab bagi aktiviti *bunkering* dan *port of refuge* bagi kapal-kapal dagang yang melalui perairan Selat Melaka.
3. Cadangan pembangunan projek Kuala Linggi International Port telah diperhalusi dan diteliti oleh Kerajaan melalui platform Majlis Pembangunan Fizikal Negara (MPFN) pada 24 Oktober 2019 antaranya seperti berikut:
 - (i) menambahkan jarak anjakan dari sempadan maritim Negeri Sembilan serta mengurangkan keluasan tambakan di bahagian selatan pembangunan projek ke Negeri Melaka;
 - (ii) menyediakan Laporan Impak Ekonomi (EclA) bagi membuktikan cadangan pembangunan ini lebih memberikan manfaat ekonomi mengatasi kos sosial dan alam sekitar;
 - (iii) memastikan pembangunan ini tidak memberi saingan dan menjejaskan jeti Kuala Linggi sedia ada dan mengambil kira penemuan kajian *National Port Strategy* (NPS) yang telah dijalankan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri melalui kerjasama dengan pihak *World Bank Group* pada tahun 2016;
 - (iv) mengenal pasti jangkaan pengurangan hasil perikanan akibat daripada kesan cadangan pembangunan pelabuhan ini;

NO. SOALAN: 9

- (v) mengambil kira kesan kepada ekosistem hutan paya bakau sedia ada dan penduduk tempatan;
 - (vi) mengambil kira lokasi sumber pasir bagi aktiviti tambakan;
 - (vii) mensasarkan pengurangan sebanyak 45% pelepasan karbon melalui rekabentuk bangunan hijau; dan
 - (viii) merangka Pelan Tindakan Kecemasan (*Emergency Response Plan*).
4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sebarang pembangunan melibatkan sektor pengangkutan maritim adalah tertakluk kepada kajian-kajian asas seperti *Environment Impact Assesment* (EIA), Kajian Hidrografi dan *Marine Traffic Risk Assesment* (MTRA).

Sekian, terima kasih.